



KENYATAAN AKHBAR YB MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN MINGGU KESEDARAN PENDERMAAN ORGAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2011, 16 OKTOBER 2011

1. Buat masa ini, ramai rakyat Malaysia **sedang menunggu** untuk mendapatkan organ. Sehingga 30 September 2011, jumlah rakyat Malaysia yang sedang menunggu adalah 14,037 orang, dan kebanyakannya adalah pesakit buah pinggang.
2. **Jumlah penderma organ dan tisu kadaverik** (penderma yang telah meninggal dunia) adalah 342 orang (sehingga 30 September 2011) di mana 59% adalah dari kaum Cina, 26% dari kaum India, 5% dari kaum Melayu dan 10% dari lain-lain kaum. Jumlah penderma organ kadaverik secara amnya telah menunjukkan peningkatan setiap tahun. Walaubagaimana pun, jumlah penderma kadaverik di Malaysia adalah antara yang terendah sebagaimana yang dilaporkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu sekitar 0.636 penderma bagi setiap juta penduduk Malaysia.
3. Jumlah rakyat Malaysia yang telah **berdaftar sebagai pengikrar** penderma organ secara amnya juga telah meningkat. Buat masa ini (sehingga 30 September 2011), 181,534 rakyat Malaysia telah berdaftar di mana 55% adalah dari kaum Cina, 24% dari kaum India, 18% dari kaum Melayu dan 3% dari lain-lain kaum. Walau bagaimanapun, jumlah ini hanya mewakili 0.63% dari keseluruhan rakyat Malaysia dan ia perlu dipertingkatkan lagi.
4. Jumlah **pengikrar kaum melayu** juga telah menunjukkan peningkatan. Pihak Kementerian Kesihatan berterima kasih kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta pejabat-pejabat mufti peringkat negeri di atas kerjasama yang telah diberikan selama ini.
5. Malaysia merupakan salah sebuah negara yang komited terhadap usaha **membendung kegiatan pemerdagangan organ manusia** dan eksploitasi golongan yang mempunyai taraf sosioekonomi rendah serta tahanan penjara seperti yang berlaku di sesetengah negara. Amalan seumpama ini ternyata bercanggah dengan etika perubatan dan nilai-nilai kemanusiaan.

6. Aktiviti pemerdagangan organ manusia adalah bercanggah dengan "WHO Guiding Principles on Human Cell Tissue and Organ Transplantation" serta "Polisi Transplantasi Organ Tisu dan Sel Kebangsaan" dan Fatwa Kebangsaan tahun 1970.
7. Justeru itu, Kementerian Kesihatan **tidak menggalakkan rakyat Malaysia** untuk pergi ke luar negara untuk mendapatkan organ secara komersial. Bermula pada bulan Januari tahun 2012, mana-mana rakyat Malaysia yang menjalankan pembedahan transplan organ di luar negara secara komersial tidak akan dibekalkan dengan ubat anti-penolakan atau *immunosuppressant* secara percuma oleh pihak Kerajaan. Hanya pesakit yang menjalani pembedahan di dalam negara akan dibekalkan dengan ubat tersebut.
8. Kementerian juga akan menyerahkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk membuat siasatan lanjut mengenai dakwaan yang mengaitkan hospital di negara ini dengan **aktiviti pemerdagangan organ di Bangladesh** seperti yang dilaporkan oleh pihak media baru-baru ini. Kementerian juga bersedia bekerjasama dengan pihak PDRM untuk membantu siasatan.
9. Kementerian Kesihatan juga sedang di dalam proses menggubal **rang undang-undang** berkenaan dengan aktiviti transplan organ termasuk bagi melarang aktiviti pemerdagangan organ. Rang undang-undang ini akan menjadi pelengkap kepada peruntukan di dalam Akta Tisu Manusia 1974 yang sedang digunapakai sekarang.
10. Kementerian Kesihatan juga ingin menyarankan agar semua rakyat Malaysia mengamalkan **cara hidup yang sihat** agar penyakit-penyakit seperti kencing manis dan tekanan darah tinggi dapat dicegah. Kementerian Kesihatan juga menyarankan agar pesakit mendapatkan rawatan yang sebaiknya serta mengikut nasihat yang telah diberikan oleh doktor agar kejadian kegagalan fungsi organ dapat dikurangkan di negara ini.
11. Selaras dengan prinsip **Satu Malaysia**, Kementerian Kesihatan ingin memohon kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang, agama, bangsa dan keturunan untuk berikrar mendermakan organ selepas meninggal dunia demi kepentingan pesakit yang memerlukan.

Dato' Sri Liow Tiong Lai